

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah Dasar Teknologi Hijau Negara telah memberikan impak positif serta menyumbang ke arah visi negara maju menjelang tahun 2020 kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Teknologi Hijau Negara yang dilancarkan pada tahun 2009 telah memberikan impak positif kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar serta menyumbang secara signifikan selaras dengan hasrat negara menjadi negara maju menjelang 2020.
2. Sumbangan Teknologi Hijau daripada lima (5) sektor ekonomi utama iaitu tenaga, bangunan, pengangkutan, pengurusan sisa dan air adalah sebanyak RM7.9 bilion ataupun bersamaan 0.8% kepada KDNK negara pada tahun 2013. Pelaburan Teknologi Hijau daripada sektor-sektor tersebut adalah sebanyak RM920 juta dan jumlah pendapatan yang direkodkan adalah sebanyak RM33.1 bilion pada tahun 2013. Teknologi Hijau disasarkan akan menyumbang sebanyak RM22.4 bilion kepada KDNK menjelang tahun 2020 manakala pelaburan dijangka akan dapat meningkat kepada RM28 bilion. (Sumber : Kajian "*Economic Assessment On The Green Business Environment In Malaysia*")

3. Dari sudut sosial pula, sektor Teknologi Hijau telah mewujudkan sebanyak 61,280 peluang pekerjaan hingga tahun 2013. Sektor ini juga dijangka dapat mewujudkan sebanyak 114,590 peluang pekerjaan pada tahun 2020.

4. Aplikasi dan pembangunan Teknologi Hijau juga dapat mengurangkan '*carbon footprint*' dan seterusnya mempertingkatkan kemampanan alam sekitar. Pembangunan Teknologi Hijau yang bertumpu kepada sektor tenaga, pengangkutan, bangunan, dan pengurusan sisa dijangka dapat mengurangkan pelepasan gas karbon sebanyak 119.2 juta tan pada tahun 2020. Penggunaan Teknologi Hijau juga dijangka dapat menjimatkan sebanyak 12,506 juta liter air sehari pada tahun 2020.

5. Bagi mencapai matlamat tersebut, Pelan Induk Teknologi Hijau Negara telah disediakan dengan tujuan untuk mengukuhkan semua inisiatif, program dan aktiviti yang akan dilaksanakan supaya menjadi lebih efektif dan sistematik. Pelaksanaan Pelan Induk Teknologi Hijau Negara diharap akan dapat memacu pertumbuhan hijau negara melalui penambahbaikan kualiti hidup masyarakat Malaysia berteraskan kehidupan hijau yang lestari.
